

**TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN
SEMPENA MAJLIS TINDAKAN DISPLIN DAN TATATERTIB UNIVERSITI-
UNIVERSITI MALAYSIA (MATDUM) BERTEMPAT DI HOTEL HOLIDAY
VILLA, ALOR SETAR PADA 6 OKTOBER 2004.**

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH DAN
SALAM SEJAHTERA

YANG BERBAHAGIA PROF. DATO' DR. MOHD RAZALI AGUS, TIMBALAN
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYA,

YANG MULIA RAJA KHAIRUDDIN RAJA BAHAROM, KETUA JABATAN
DISPLIN, UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA,

TIMBALAN-TIMBALAN PENDAFTAR

KETUA-KETUA PENOLONG PENDAFTAR

PENOLONG –PENOLONG PENDAFTAR

PARA PEGAWAI

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN.

BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBBAHANU WA TAALA DI ATAS LIMPAH
KURNIA, KASIH DAN SAYANG SERTA DENGAN IZIN-NYA DAPAT KITA
BERKUMPUL PADA MALAM INI UNTUK BERSAMA-SAMA HADIR DALAM
MESYUARAT MAJLIS TINDAKAN DISPLIN DAN TATATERTIB UNIVERSITI-
UNIVERSITI MALAYSIA (MATDUM).

SAYA SEDAR TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB YANG DIGALAS DI BAHU
KITA YANG ACAPKALI DI SINONIMKAN SEBAGAI 'KILANG'
MENGELUARKAN GOLONGAN MAHASISWA DAN MAHASISWI YANG
BAKAL MENJADI TUNJANG SERTA TULANG BELAKANG KEKUATAN
KEPADA PEMBANGUNAN NEGARA BUKAN LAH SUATU TUGAS YANG
MUDAH.

BERAT MATA MEMANDANG, BERAT LAGI BAHU MEMIKUL. PUN BEGITU,
TUGAS, TANGGUNGJAWAB SERTA KEPERCAYAAN YANG DIAMANAHKAN
OLEH PUCUK PIMPINAN NEGARA AKAN KITA LAKSANAKAN SEBAIK

MUNGKIN. TIADA KOMPROMI MAHUPUN ALASAN YANG MAMPU MENGGANGU-GUGAT SERTA MERENCATKAN KELANCARAN USAHA YANG BERPAKSIKAN KEPADA KEIKHLASAN DALAM MENZAHIRKAN TUGAS, TANGGUNG JAWAB DAN KEPERCAYAAN TADI.

OBJEKTIF KITA HANYA SATU IAITU BERUSAHA DENGAN GIGIH DALAM MEREALISASIKAN CITA-CITA DAN IMPIAN NEGARA YANG MAHU MEMARTABATKAN SERTA MENZAHIRKAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DI MALAYSIA INI SEBAGAI YANG TERBAIK DI RANTAU INI. BUKAN OMONGAN KOSONG SEMATA TAPI KELANGSUNGAN USAHA YANG MURNI DAN BERTERUSAN TERSEBUT TELAH MULA BERPUTIK MENJADI KELOPAK-KELOPAK BUNGA YANG SEMAKIN HARUM BAUNYA.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

BERCAKAP SOAL MAHASISWA/I DAN UNIVERSITI, KITA SECARA LANGSUNG BERHADAPAN DENGAN SEKUMPULAN MANUSIA YANG BOLEH DIKATEGORIKAN SEBAGAI INSAN-INSAN YANG DALAM PENGHUJUNG ALAM REMAJA YANG SEDANG MENGALAMI TRANSISI DAN PERUBAHAN MEMASUKI KE ALAM DAN BUDAYA BARU.

SUDAH PASTI BUDAYA BARU TERSEBUT SECARA TABII MEMPENGARUHI TINGKAH LAKU, PEMIKIRAN DAN TINDAKAN YANG AKAN DIAMBIL. APA YANG DIKHUATIRI GOLONGAN MAHASISWA/I YANG DIANGGAP 'FRAGILE' INI AKAN TERSILAP PERHITUNGAN DALAM MEMILIH PLATFORM ATAU JALAN YANG TERSASAR DARI APA YANG SEWAJARNYA IAITU BERTENTANGAN DENGAN NILAI-NILAI DAN NORMA-NORMA RASIONALISME.

WALAUPUN ADA SESETENGAH PIHAK MENGATAKAN GOLONGAN MAHASISWA ADALAH MEREKA YANG TELAH MATANG DAN BIJAK MEMBUAT PERHITUNGAN DAN BUKAN LAGI PELAJAR-PELAJAR SEKOLAH MENENGAH YANG PERLU DIBIMBING, SAYA KURANG BERSETUJU DALAM HAL TERSEBUT. MEREKA MASIH PERLU DIBIMBING DAN DIKAWAL KERANA PENGARUH RAKAN SEBAYA AMAT KUAT DALAM MENCORAK KEPERIBADIAN SESEORANG.

HIPOTHESIS YANG DIANJURKAN OLEH PAKAR SOSIOLOGI DAN ANTROPOLOGI JELAS MENUNJUKKAN BETAPA PERSEKITARAN AMAT BERKAIT RAPAT DENGAN TINGKAHLAKU DAN PEMIKIRAN SESEORANG

IAITU BERMULA DARI ZAMAN KANAK-KANAK, REMAJA DAN DEWASA. PATEN ATAU CORAK PEMIKIRAN SESEORANG INDIVIDU DENGAN JELAS DAPAT MENGGAMBARAN DEMOGRAFIK DIRINYA IAITU DARI SEGI LATAR BELAKANG PERIBADI, AKADEMIK DAN SEBAGAINYA.

MEMANTAU PERGERAKAN PARA PELAJAR DI IPTA AMAT PERLU HATTA DIBERIKAN KEUTAMAAN. BUKAN BERMAKSUD MAHU MENGONGKONG JAUH SEKALI MENJADIKAN MEREKA GOLONGAN YANG LESU TETAPI MEMASTIKAN MEREKA DAPAT MENJADI GOLONGAN MAHASISWA DALAM ERTI KATA YANG SEBENARNYA. KITA TIDAK MAHU SALAHLAKU DI KALANGAN MAHASISWA/I MENJADI ISU YANG AKAN MENGHIASI DADA-DADA AKHBAR ATAU TAJUK-TAJUK UTAMA MEDIA MASSA TEMPATAN.

MASYARAKAT AMAT PEKA DENGAN APA JUA YANG BERLAKU DI KALANGAN WARGA KAMPUS. BIARPUN SEDIKIT KESILAPAN YANG TERJADI MASYARAKAT SECARA LANTANG AKAN MENYALAHKAN PENTADBIRAN UNIVERSITI KERANA GAGAL MEMBENTUK SAHSIAH PERIBADI MAHASISWA YANG DIANGGAP OLEH SESETENGAH PIHAK SEBAGAI GOLONGAN CERDIK PANDAI YANG SEMPURNA.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

SAYA AMAT BERSYUKUR PROGRAM MAJLIS TINDAKAN DISPLIN DAN TATATERTIB UNIVERSITI-UNIVERSITI MALAYSIA (MATDUM) INI DAPAT DIZAHIRKAN. IA SEKALIGUS DAPAT DIJADIKAN SEBAGAI MEDAN CANAIAN DAN GUGUSAN IDEA DI KALANGAN KITA YANG MEMPUNYAI PENGALAMAN YANG PELBAGAI DALAM MENCAPAI SOLUSI YANG BOLEH DIJADIKAN GARIS PANDUAN DALAM MEMANTAPKAN PERATURAN DAN SUB-SUB SEKSYEN PERATURAN YANG SEDIA ADA.

WALAUPUN SETIAP UNIVERSITI MEMPUNYAI PERATURAN DISPLIN ATAU 'CODE OF CONDUCT' TERSENDIRI, NAMUN APA YANG CUBA KITA LAKSANAKAN PADA MESYUARAT INI IALAH Mencari SOLUSI, IDEA-IDEA BARU SERTA SALING BERINTERKASI SESAMA SENDIRI DAN SETERUSNYA MENCAPAI KESIMPULAN.

SAYA PERCAYA HASIL DARI PERBINCANGAN KITA SELAMA DUA HARI INI AKAN MEMBUAHKAN HASIL YANG MANTAP DAN BOLEH DIGUNAPAKAI DI MANA-MANA UNIVERSITI AWAM DI NEGARA INI. IA BUKAN MEDAN BAGI MANA-MANA PIHAK MENONJOLKAN DIRI DAN BERGELAR HEBAT TAPI

MEMBULATKAN TEKAD DAN USAHA KITA YANG BERDIRI DI ATAS SATU NAMA IAITU INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM.

PEMUAFAKATAN KITA DALAM MENENTUKAN BENTUK UNDANG-UNDANG SERTA TINDAKAN YANG DIAMBIL DALAM MENANGANI ISU-ISU YANG BERBANGKIT AMAT PENTING SUPAYA TINDAKAN DARI IPTA DAPAT DILIHAT SEBAGAI SUARA MAJORITI SERTA SERAGAM DALAM KONTEKS DAN ISU-ISU YANG TERTENTU.

IA JUGA DALAM MASA YANG SAMA DAPAT MEMBERIKAN KEFAHAMAN KEPADA MAHASISWA/I BAHAWA MEREKA BERADA DI DALAM LINGKUNGAN PERSEKITARAN PERATURAN DAN DISPLIN YANG SERAGAM BIAR APA PUN NAMA UNIVERSITI TERSEBUT. JUSTERU ITU KESERAGAMAN DI DALAM PERATURAN DAN TINDAKAN YANG DIAMBIL DENGAN JELAS MEMBUKTIKAN IPTA DI MALAYSIA INI MEMPUNYAI STANDARD PIAWAIAN PERATURAN DISPLIN YANG TERSENDIRI DAN BERDIRI DENGAN SENDIRINYA TANPA PERLU MERUJUK KEPADA MANA-MANA PERATURAN ATAU BADAN-BADAN BERKANUN YANG LAIN.

SAYA PERCAYA DENGAN DENGAN TERTUBUHNYA KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI YANG DIKETUAI OLEH YANG AMAT BERTAMBAH HORMAT DATO' DR. MOHD SHAFFIE SALLEH, IPTA DI MALAYSIA MAMPU BERDIRI DENGAN SENDIRI. IPTA DI MALAYSIA JUGA SUDAH PASTI MEMPUNYAI RUANG TERSENDIRI DALAM MENGUSULKAN APA JUA PERUBAHAN UNTUK PENAMBAHBAIKAN DARI SEGI PENTADBIRAN UNIVERSITI, UNDANG-UNDANG, PERATURAN-PERATURAN AM ATAU KHUSUS HINGGALAH KEPADA HAL-HAL YANG BERKAITAN DENGAN MAHASISWA DAN MAHASISWI.

SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN PADA MALAM INI, SAYA BAGI PIHAK KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA, INGIN MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH DAN SYABAS KEPADA PIHAK URUSETIA YANG SUDAH PASTI BERTUNGKUS-LUMUS MEMASTIKAN KELANCARAN PROGRAM KITA PADA MALAM INI.

SAYA AMAT BERHARAP PROGRAM SEBEGINI AKAN DAPAT DITERUSKAN DARI MASA KE SEMASA BAGI MEMASTIKAN HUBUNGAN SERTA INTERAKSI SESAMA KITA WARGA IPTA SENTIASA PUNYA KESINAMBUNGAN DEMI KEBAIKAN BERSAMA. SAYA SUDAH DENGAN WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH.

